

**ANALISIS FUNGSI PENANDA WACANA DALAM PENULISAN  
KERJA KURSUS PELAJAR PPISMP BAHASA MELAYU**

**Nor Asiah Ismail<sup>1</sup>, A. Jailani Che Abas<sup>1</sup>, Dzulkarnain Mat<sup>1</sup>, Mohd Asri Abdul Razak<sup>1</sup>,  
Mohd Nor Mohamed<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan

Corresponding Author: asiisma8@gmail.com

**Abstrak**

*Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis fungsi penanda wacana dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu. Model Fungsi Tautan Pindaan Sanat Md. Nasir digunakan dalam kajian ini bagi melihat fungsi penanda wacana dari tiga aspek utama, iaitu tautan penghubung ayat, tautan perulangan dan tautan kolokasi. Kajian ini perlu dijalankan berdasarkan masalah penggunaan penanda wacana dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP ambilan Jun 2019. Penanda wacana perlu digunakan dengan tepat dari aspek koheren dan kohesi. Reka bentuk kajian ini ialah analisis dokumen kerja kursus pelajar PPISMP. Sampel kajian yang digunakan ialah 10 skrip kerja kursus BMM1064 Sintaksis Bahasa Melayu. Pemilihan sampel menggunakan rawak bertujuan. Instrumen kajian yang digunakan ialah senarai semak penulisan kerja kursus. Dapatkan kajian menunjukkan fungsi penanda wacana yang paling kerap digunakan oleh pelajar PPISMP ialah tautan penghubung ayat dan tautan perulangan. Pelajar PPISMP perlu diberi pendedahan dalam bentuk kursus dan bengkel untuk memantapkan penggunaan tautan kolokasi yang jarang digunakan.*

**Kata kunci:** penanda wacana, koheren, kohesi, penulisan, kerja kursus

## PENGENALAN

Dalam sesuatu wacana, hubungan unit bahasa yang membentuknya dapat mewujudkan kesatuan yang utuh. Wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian bab buku, dialog dan siri buku yang memperlihatkan perkembangan fikiran yang berurutan. Nurhazila Mat Lazim & Idris Aman (2018) berpendapat bahawa wacana penulisan mempunyai ciri-ciri linguistik tertentu yang boleh dikenal pasti sebagai penyumbang kepada pembentukan idea secara keseluruhan dan memberi kefahaman kepada khalayak. Ciri-ciri linguistik yang bermakna dari aspek koheren (kesatuan) dan kohesi (pertautan) menjadi satu bentuk wacana dengan elemen penanda yang tepat dan mantap.

Penanda wacana berfungsi untuk menghubungkan sesuatu idea, hujah dan pandangan peribadi penulis atau penutur. Seandainya sesuatu wacana tidak mempunyai tautan yang tepat, maka seluruh kandungan wacana berkenaan tidak mempunyai koheren dan kohesi yang lengkap. Menurut Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria (2015), kohesi atau pertautan lazimnya wujud melalui susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut. Susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut ini mewujudkan gabung jalin maklumat lama dengan maklumat baharu. Dalam penulisan akademik, aspek kohesi memainkan peranan penting sebagai salah satu cara untuk meningkatkan pemahaman pembaca tentang idea yang diutarakan.

Hal ini disedari oleh Norhayati Alias (2019) yang menekankan bahawa fungsi proses penanda wacana adalah untuk menghasilkan mesej yang lebih jelas, tepat, dan spesifik terhadap pendengar atau pembaca. Proses ini merupakan usaha dan perancangan yang dilakukan oleh pewacana demi mencapai tujuan dan hajat komunikasinya. Penyusunan dan reka bentuk yang dilakukan oleh pewacana ketika menghasilkan penulisan penting dalam menghasilkan produk wacana yang baik mutunya kerana diterima dan difahami oleh sasaran.

Berdasarkan pendapat pengkaji wacana yang dibincangkan, maka disimpulkan bahawa penanda wacana penting dalam sesebuah penulisan kerana penanda wacana ini menimbulkan pertautan dan kesinambungan antara ayat dalam teks bagi membentuk kesatuan. Nik Safiah Karim & rakan-rakan (2011) menjelaskan bahasa penanda wacana digunakan untuk mewujudkan kesinambungan antara ayat dengan frasa dalam sesuatu wacana. Beliau mengelaskan penanda wacana kepada lima jenis, iaitu: penanda penghubung, penanda rujukan, penanda penggantian, penanda leksikal dan penanda elipsis atau pengguguran. Bagi Sanat Mohd Nasir (2008) pula, beliau menerangkan fungsi penanda wacana kepada tiga jenis tautan, iaitu perulangan, kolokasi dan penghubung.

Fungsi dan jenis penanda wacana yang diberikan oleh Nik Safiah Karim & rakan-rakan (2011) dan Sanat Mohd Nasir (2008) dengan lebih terperinci, maklumatnya dipaparkan di dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: *Perbandingan Penanda Wacana Sanat Mohd Nasir (2008) dan Nik Safiah Karim et.al (2011)*

<b>Model</b>	<b>Jenis</b>	<b>Fungsi</b>
<b>Sanat Mohd Nasir (2008)</b>	Tautan Perulangan	Rujukan, Penggantian, Ellipsis, Leksikal, Prafrasa, Pallelisme, Perulangan Struktur dan Makna
	Tautan Kolokasi	Antonim, Hiponim, Hasil, Sifat
	Tautan Penghubung Ayat	Tambahan, tentang, Sebab-Musabab, Waktu, Terusan
<b>Nik Safiah Karim et. al (2011)</b>	Penanda Penghubung	Penghubung Tambahan, Penghubung Tentangan, Penghubung Musabab, Penghubung Tempoh
	Penanda Rujukan	Kata Ganti Nama Diri Pertama, Kata Ganti Nama Diri Kedua, Kata Ganti Nama Diri Ketiga
	Penanda Penggantian	Frasa Nama, Frasa Kerja, Klausu
	Penanda Leksikal	Pengulangan Perkataan Sama, Pengulangan Sinonim, Pengulangan Hiponim, Pengulangan Kolokasi
	Penanda Elipsis atau Pengguguran	Pengguguran Perkataan, Pengguran Frasa

Berpandukan Rajah 1, Model Sanat Mohd Nasir (2008) lebih wajar dipilih kerana penggolongan fungsi penanda wacana yang lebih jelas dan tidak berulang seperti Model Nik Safiah Karim (2011). Oleh itu, bagi memberikan kefahaman berkaitan dengan fungsi penanda wacana, maka diberikan contoh-contoh penanda wacananya seperti dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: *Contoh-contoh Penanda Wacana*

<b>Jenis Penanda Wacana</b>	<b>Fungsi Penanda Wacana</b>	<b>Contoh Penanda Wacana</b>
<b>Tautan Penghubung Ayat</b>	Tambahan	dan, lalu, malahan, tambahan pula, lebih-lebih lagi, di samping itu, selanjutnya
	Tentangan	tetapi, sebaliknya, namun, namun begitu, walau bagaimanapun
	Sebab-Musabab	kerana, oleh sebab, oleh itu, oleh hal demikian, dengan itu, maka itu
	Waktu	mula-mula, pertama, seterusnya, kemudian, selanjutnya, selepas itu, maka, akhirnya
	Terusan	Sementara itu, sejenak kemudian

<b>Tautan Perulangan</b>	Rujukan	ini, itu, sini, sana, situ, saya, kami, kamu, engkau, mereka, beliau
	Penggantian	penagih dadah...gejala ini
	Ellipsis	Pada minggu lalu Kak Siti dan keluarganya berkelah di Teluk Cempedak. Demikian juga keluarga kami.
	Leksikal	menyayangi ibu...menyayangi ayah
	Parafrasa	wang perlu dicari..kewangan akan kukuh
	Pallelisme	rezeki perlu dicari bala jangan dicari
	Perulangan struktur makna	memetik bunga di taman..bunga di taman belum disunting orang
	Antonim	Bodoh...cerdik
	Hiponim	ikan..tenggiri, bawal, kembung
	Hasil	perintah berkurung..dengan..kawasan wabak merebak cepat
<b>Tautan Kolokasi</b>	Sifat	perintah berkurung..berjaya menenangkan rakyat

Masalah kajian ini berpunca daripada potensi pelajar yang kurang mahir menggunakan penanda wacana untuk mewujudkan kesinambungan idea yang dikemukakan. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak mendapat markah cemerlang dalam penulisan kerja kursus. Dapatan kajian tahun 2019, mendapati hanya lima orang yang layak mendapat markah peringkat sangat cemerlang (90%) dalam kalangan pelajar PPISMP Bahasa Melayu bagi kursus Sintaksis Bahasa Melayu (BMM1064) dan Morfologi Bahasa Melayu (BMM1054). Dalam semakan yang dilakukan, didapati pelajar tersilap memilih penanda wacana sehingga hilang pertautan isi dalam penulisan. Keadaan ini melemahkan pengolahan dan mengakibatkan penyampaian penulisan menjadi kabur.

Kajian oleh Zamri Salleh & Abdul Sukor Mohd Shaari (2009) mendapati banyak pelajar masih lemah dalam kemahiran menulis. Walaupun pelajar didedahkan dengan banyak teknik mengarang, didapati karangan pelajar masih tidak mempunyai keutuhan wacana kerana aspek tautan (kohesi) kurang diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hal ini menyebabkan karangan mereka longgar serta tidak kohesif akibat kurangnya unsur tautan dalam karangan mereka. Siti Nurhajariah Md. Isa & Hairun Najuwah Jamali (2014) mendapati kegagalan membentuk ayat-ayat yang mempunyai kohesi dalam penulisan karangan antara kelemahan yang ketara dalam kalangan pelajar. Justeru, para pelajar perlu diberi pendedahan dengan kemahiran dalam aspek pengetahuan dan penguasaan kohesi yang baik. Tenaga pengajar merupakan agen terpenting dalam pengajaran kemahiran menulis.

Berpandukan masalah kajian yang dijumpai berkaitan dengan penggunaan penanda wacana dalam penulisan karangan dan kerja kursus, maka pengkaji berhasrat untuk menganalisis kebolehan pelajar PPISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2019 dalam menjawab soalan tugas kerja kursus Sintaksis Bahasa Melayu (BMM1064) bagi semester pertama Januari-Mei 2020.

Kajian ini dilaksanakan mengikut tiga objektif utama, iaitu:

1. Mengenal pasti jenis penanda wacana yang digunakan dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu.
2. Menganalisis pola fungsi penanda wacana yang digunakan dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu.

3. Membincangkan kerasionalan fungsi penanda wacana dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu.

Kajian ini juga mempunyai tiga persoalan kajian, iaitu:

1. Apakah jenis penanda wacana yang paling kerap digunakan dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah pola fungsi penanda wacana yang digunakan dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu?
3. Apakah kerasionalan fungsi penanda wacana dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu?

Kerangka konsep kajian pula adalah seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1 Analisis Fungsi Penanda Wacana Kerangka Model Sanat Mohd Nasir (2008)

Berdasarkan kerangka konsep ini, pengkaji-pengkaji lepas berkaitan dengan penanda wacana dikupas secara khusus. Kajian yang dilaksanakan oleh Nor Faizah Abdul Jobar, Normarini Norzan dan Nur Farahkhanna Mohd Rosli (2019) misalnya menganalisis komponen tekstual dalam penulisan karangan murid bahasa kedua. Analisis tertumpu pada jenis komponen tekstual (penanda wacana) yang terbentuk melalui pemilihan tema (awal kata) dalam unit perenggan karangan. Pendekatan analisis dokumen digunakan untuk menganalisis ayat. Semua ayat diekstrak daripada perenggan karangan yang terdiri daripada pendahuluan, isi dan kesimpulan. Hasil dapatkan menunjukkan pemanfaatan komponen penanda wacana musabab diaplikasikan dalam unit perenggan pendahuluan, penanda wacana tambahan dalam unit isi dan penanda wacana tempoh dalam unit kesimpulan. Kajian memberi maklumat kepada guru dan murid dalam membina penulisan yang berkoheren selain dapat memberi impak terhadap kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru di bilik darjah.

Kajian oleh Norhayati Alias (2019) membincangkan penanda wacana *iaitu* dalam Bahasa Melayu, dan *esto es* dalam bahasa Sepanyol dalam aspek Pernyataan Semula Parafrasa (*Paraphrastic Reformulation*). Proses Pernyataan Semula Parafrasa (PSP) merupakan proses menjelaskan sesuatu mesej yang kabur dan tidak mencukupi. Proses ini dinilai berdasarkan kesamaan yang wujud antara dua segmen yang dihubungkan. Proses pernyataan semula parafrasa menunjukkan usaha dan kemampuan seseorang peserta sesebuah komunikasi wacana lisan atau bukan lisan, memilih formula linguistik yang dirasakan paling sesuai untuk digunakan bagi menjelaskan maksud yang ingin disampaikan. Kajian ini dijalankan dengan melakukan analisis terhadap teks ilmiah dan saintifik bahasa Melayu dan Sepanyol. Dapatkan menunjukkan kedua-dua penanda wacana yang dikaji, *iaitu* dan *esto es* mempunyai fungsi utama yang sama, iaitu sebagai penjelas dan penerang terhadap idea yang telah diungkapkan sebelumnya.

Kajian Sisilia Prasetyawati Prasihe (2019) pula mengkaji penanda kohesi gramatikal dalam teks “Perintis Homestay Rumah Gadang?”. Kajian ini untuk mendeskripsi penanda kohesi gramatikal yang terdapat dalam teks menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan deskriptif. Kajian ini menggunakan teknik analisis data Miles dan Huberman merangkumi langkah pengumpulan data, reduksi data, penyajian data dan kesimpulan. Dapatkan kajian menunjukkan penanda kohesi gramatikal dalam teks ini meliputi refensi, substitusi, konjungsi dan pelesapan. Kajian oleh Nor Hazila Mat Lazim & Idris Aman (2018) untuk menghuraikan unsur penanda wacana dan kerasionalan penggunaan penanda wacana dalam menjamin kelancaran maklumat atau gagasan utama yang terkandung dalam teks pelan pembangunan negara. Teks yang digunakan ialah Rancangan Malaysia Kesebelas yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia keenam. Kerangka teori Nahu Fungsian Sistemik diterapkan dalam menganalisis teks kajian. Dapatkan kajian menunjukkan penanda wacana penambahan mendominasi teks pelan pembangunan negara. Penggunaannya merupakan satu wasilah bagi menambah maklumat baharu atau gagasan penting negara. Penanda wacana adverba tujuan pula mencatat kedua tertinggi dan menggambarkan bahawa teks ini mengandungi banyak tujuan atau objektif penting yang akan dilaksanakan dalam usaha mencapai status negara maju. Teks ini bukan sahaja menerangkan secara terperinci mengenai retorik teks malahan mencakupi wawasan negara untuk disebar luas kepada golongan masyarakat dalam bentuk wacana penulisan.

Siti Nurhajariah Md Isa & Hairun Najuwah Jamali (2014) mengkaji kegagalan membentuk ayat-ayat yang mempunyai kohesi dalam penulisan karangan antara kelemahan yang ketara dalam kalangan pelajar. Para pelajar perlu diberi pendedahan dengan kemahiran dalam aspek pengetahuan dan penguasaan kohesi yang baik. Tenaga pengajar merupakan agen terpenting dalam pengajaran kemahiran menulis. Tenaga pengajar perlu bertindak sebagai agen pencapaian maklumat dalam membentuk dan memperbaiki kemahiran penulisan pelajar dengan menggunakan alat-alat kohesi yang betul. Penggunaan alat-alat kohesi yang betul, khususnya kohesi penghubung akan membantu pelajar menghasilkan struktur wacana yang berkesinambungan. Kajian yang dilaksanakan oleh Nelvia Susmita (2019) mendapati kepaduan unsur bahasa dalam karangan para pelajar menjadi tidak kohesi dan koheren. Teori yang dijadikan landasan untuk menganalisis kohesi dan koheren dalam penelitian ini adalah yang dikemukakan oleh beberapa tokoh hebat Barat. Jenis penelitian yang digunakan ialah kualitatif dengan pendekatan deskriptif. Instrumen penelitian yang digunakan pula ialah instrumen pengumpulan data berupa pemerhatian dan teks penulisan karangan. Hasil penelitian ini ditemukan bahawa jenis penanda wacana ialah penanda kohesi gramatikal dan kohesi leksikal.

Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria (2015) pula mengkaji kohesi bermakna teks atau wacana yang berhubung antara satu sama lain bagi membina makna yang lebih jelas dan difahami oleh pembaca. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan aspek kohesi gramatikal dalam karangan Bahasa Melayu pelajar pada peringkat pengajian tinggi awam. Kajian ini menggunakan Teori Fungsional Fungsi Ayat. Data kajian diperoleh daripada karangan yang ditulis oleh pelajar yang mengambil kursus penulisan dalam Bahasa Melayu. Bagi tujuan keseragaman, tajuk karangan ditentukan dan tempoh penulisan diberikan selama enam puluh minit. Data dikira dalam bentuk peratus dan dihuraikan. Analisis membincangkan kohesi gramatikal jenis penghubung sahaja. Kohesi gramatikal penghubung terbahagi kepada lima bahagian iaitu penghubung pertambahan, penghubung pertentangan, penghubung sebab-akibat, penghubung waktu dan penghubung syarat. Hasil kajian ini menunjukkan pelajar lebih banyak menggunakan kohesi gramatikal penghubung pertambahan dalam menulis karangan Bahasa Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah analisis semakan dokumen penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu. Semakan analisis dokumen kerja kursus dilakukan menggunakan model tautan Sanat Mohd Nasir (2008) yang merangkumi tiga jenis penanda wacana, iaitu tautan perulangan, tautan kolokasi dan tautan penghubunga. Dalam jenis tautan perulangan terdapat tujuh fungsi iaitu, rujukan, penggantian, ellipsis, leksikal, parafrasa, parallelisme, perulangan struktur dan makna. Tautan kolokasi pulan mempunyai empat fungsi, iaitu antonim, hiponim, hasil dan sifat. Tautan penghubung ayat mempunyai lima fungsi, iaitu tambahan, tentangan, sebab-musabab, waktu dan terusan.

Kajian ini menggunakan 10 skrip kerja kursus pelajar PPISMP dalam subjek Sintasis Bahasa Melayu (BBM1064). Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan daripada kalangan pelajar cemerlang yang mendapat markah cemerlang (A). Pelajar PPISMP Bahasa Melayu merupakan pelajar ambilan Jun 2019 dan sudah belajar di IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan selama setahun setengah. Sampel ini dipilih dalam kajian penanda wacana atas kewajaran munasabah calon guru Bahasa Melayu mencapai peringkat A+ peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Instrumen kajian kedua ialah borang senarai semak aspek jenis dan fungsi penanda wacana. Semakan skrip kerja kursus yang dipindahkan ke dalam borang senarai semakan fungsi dan jenis penanda wacana digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Hasil analisis kedua-dua instrumen kajian ini kemudiannya disimpulkan dalam persoalan ketiga bagi membincangkan kerasionalan fungsi dan jenis penanda wacana yang wujud dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu. Skrip kerja kursus pelajar ini diberikan kod R (Responden) dengan diikuti bilangan responden seperti R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9 dan R10.

Analisis data kajian menggunakan kaedah yang digunakan oleh Miles dan Huberman dalam Sisilia Prasetyawati Prasihe (2019). Langkah yang digunakan terdiri daripada empat proses bermula dengan pengumpulan data, reduksi data, penyajian data dan kesimpulan. Pengumpulan data adalah memilih 10 skrip tugas kerja kursus pelajar PPISMP ambilan Jun 2019 secara rawak bertujuan, iaitu daripada kumpulan cemerlang (A). Seterusnya, data disemak dan dikumpulkan mengikut jadual kekerapan penggunaan, kemudian data disusun dalam bentuk jadual bagi mendapatkan jumlah dan peratus. Proses akhir dilakukan dengan meneliti dan membuat kesimpulan mengikut tiga objektif dan persoalan kajian tentang fungsi penanda wacana dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu. Bagi menganalisis data penanda wacana di dalam skrip kerja kursus, diberikan kod atau tanda seperti [R1, M1, B1] bagi mewakili Responden 1, Muka surat 1 dan Baris 1. Kod ini perlu untuk memudahkan rujukan dan mengenal responden yang digunakan.

**DAPATAN KAJIAN**

**Persoalan Kajian 1:** Apakah jenis penanda wacana yang paling kerap digunakan dalam penulisan kerja kursus pelajar PISMP Bahasa Melayu?

Dapatkan kajian 1 ini dipaparkan di dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Jenis Penanda Wacana

	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8	R9	R10	Jum
<b>Tautan Penghubung Ayat</b>	7 8%	13 14%	16 18%	6 7%	7 8%	10 11%	14 15%	11 12%	5 6%	2 1%	91 57%
<b>Tautan Perulangan</b>	23 35%	18 27%	14 21%	7 11%	4 6%						66 42%
<b>Tautan Kolokasi</b>	2 1%										2 1%
<b>Jumlah</b>	32 21%	31 20%	30 18%	13 8%	11 7%	10 6%	14 9%	11 7%	5 3%	2 1%	159 100%

Berdasarkan Jadual 3, didapati Responden 1 (R1) mencapai kedudukan teratas dalam penggunaan jenis penanda wacana, iaitu sebanyak 21%. R2 pula menduduki tempat kedua dengan 20%, ketiga R3 dengan 18%, keempat R7 dengan 9%, kelima R4 dengan 8%, keenam R5 dan R8 dengan 7%, kelapan, R6 dengan 6%, kesembilan R9 dengan 3% dan kesepuluh R10 dengan 1%. R1 juga didapati paling banyak menggunakan jenis penanda wacana tautan perulangan, iaitu sebanyak 35%. R2 pula paling banyak menggunakan jenis penanda wacana tautan perulangan, iaitu sebanyak 27%. Begitu juga dengan R3, dan R4 juga banyak menggunakan penanda wacana tautan perulangan, iaitu sebanyak 21% dan 11%. Hal ini berbeza pula dengan R5, R6, R7, R8, R9 dan R10 yang banyak menggunakan jenis penanda wacana tautan penghubung ayat, iaitu sebanyak 8%, 11%, 15%, 6% dan 1%.

**Persoalan Kajian 2:** Bagaimanakah pola fungsi penanda wacana yang digunakan dalam penulisan kerja kursus pelajar PISMP Bahasa Melayu?

Dapatkan kajian 2 dipaparkan di dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Fungsi Penanda Wacana

Jenis Penanda Wacana	Fungsi Penanda Wacana	Jumlah	Peratus
Tautan Penghubung Ayat	Tambahan	55	34%
	Tentangan	14	9%
	Sebab-musabab	13	8%
	Waktu	10	6%
	Terusan		
Tautan Perulangan	Rujukan	37	23%
	Penggantian	12	8%
	Ellipsis	5	3%
	Leksikal	11	7%
	Parafrasa		
Tautan Kolokasi	Pallelisme		
	Perulangan Struktur dan Makna		
	Antonim		
	Hiponim	2	2%
	Hasil		
	Sifat		
Jumlah		159	100%

Berdasarkan dapatan kajian Jadual 4, fungsi tautan yang paling tinggi digunakan oleh pelajar PPISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2019 ini ialah tambahan sebanyak 34%, diikuti rujukan sebanyak 23%, tentang 9%, sebab-musabab sebanyak 8%, penggantian sebanyak 8%, leksikal sebanyak 7%, waktu sebanyak 6%, ellipsis sebanyak 3% dan hiponim sebanyak 2%. Oleh itu, data ini membuktikan fungsi penanda wacana tambahan menjadi pilihan utama dalam penulisan kerja kursus pelajar.

**Persoalan Kajian 3:** Apakah kerasionalan fungsi penanda wacana dalam penulisan kerja kursus pelajar PISMP Bahasa Melayu?

Dapatan kajian 3 dipaparkan di dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Kerasional Fungsi Penanda Wacana

Fungsi Penanda Wacana	Rasional Penggunaan Penanda Wacana	Bilangan	Peratus
Tambahan	Maklumat tambahan	55	34%
Tentangan	Pertentangan maklumat baharu dengan sebelumnya	14	9%
Sebab-musabab	Sebab berlakunya sesuatu	13	8%
Waktu	Urutan masa/siri berlakunya sesuatu	10	6%
Terusan	Menyambung ayat/klausa dengan penanda wacana seperti kata jadi, justeru.		
Rujukan	Ganti nama	37	23%
Penggantian	Perkataan/frasa gantikan perkataan/frasa lain	12	8%
Ellipsis	Melibatkan pengguguran perkataan/frasa telah dinyatakan dalam ayat sebelumnya	5	3%
Leksikal	Kohesi melalui pengulangan kata	11	7%
Parafrasa	Mengulang unsur yang sama		
Pallelisme	Mengulang urutan kata unsur berlainan		
Perulangan			
Struktur dan Makna	Mengulang kata/frasa yang sama		
Antonim	Mengulang dengan kata berlawanan		
Hiponim	Mengulang dengan kumpulan dan jenis sama	2	2%
Hasil	Melibatkan unsur makna yang mempunyai kesan daripada unsur sebelumnya		
Sifat	Merujuk hubungan makna dengan unsur dan sifat sebelumnya		

Berdasarkan dapatan kajian di dalam Jadual 5, kerasionalan penanda wacana tambahan adalah untuk memberi maklumat tambahan sebanyak 34%. Contoh petikan teks kerja kursus seperti berikut:

*Seterusnya, unsur frasa lain ialah frasa kerja. (R5, M6, B1)*

Penanda wacana rujukan sebagai ganti nama sebanyak 23%. Contoh:

*Hal ini disebabkan kurangnya pengalaman saya. (R3, M3, B11)*

Penanda wacana tentang sebagai pertentangan maklumat baharu dengan sebelumnya sebanyak 9%. Contoh ayat:

*Selain itu, frasa nama juga boleh menjadi unsur dalam frasa sendi nama... (R5, M4, B21)*

Penanda wacana penggantian sebagai menggantikan frasa dengan frasa lain sebanyak 8%. Contoh:

*Kesemuanya mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza. (R3, M7, B22)*

Penanda wacana leksikal sebagai kohesi dalam pengulangan kata sebanyak 8%. Contoh:

**Bahasa Melayu merupakan** bahasa yang unik. **Bahasa Melayu** wujud dalam beberapa peringakt...(R1, M1, B1, B2)

Penanda wacana ellipsis pula untuk menggugurkan kenyataan sebelum supaya tidak berulang menulisnya beberapa kali sebanyak 3%. Contoh:

*Secara tuntasnya, sintaksis merupakan satu cabang ilmu yang amat luas dalam Bahasa Melayu. Perkara ini melibatkan pembinaan ayat... (R3, M8, B7)*

Penanda wacana hiponim sebagai pengulangan ahli dalam kumpulan yang sama sebanyak 2%. Contoh:

*..sintaksis adalah satu cabang ilmu dalam Bahasa Melayu... Setiap aspek ini adalah sangat penting... (R1, M6, B16)*

## PERBINCANGAN

Kajian berkaitan dengan penanda wacana bagi melihat tiga skop fungsi penanda wacana mengikut tiga objektif dan persoalan kajian. tiga skop tersebut ialah jenis penanda wacana, fungsi penanda wacana yang digunakan dan kerasionalan fungsi penanda wacana. Persoalan pertama mendapati jenis penanda wacana yang kerap digunakan oleh pelajar PPISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2019 ialah jenis tautan penghubung ayat, iaitu sebanyak 57%. Kedudukan kedua jenis penanda wacana tautan perulangan, iaitu sebanyak 42%. Jenis penanda wacana yang paling kurang digunakan oleh pelajar ini ialah tautan kolokasi, iaitu sebanyak 1% sahaja. Daripada jenis penanda wacana yang dianalisis juga didapati semua respondan menggunakan tautan penghubung ayat. Jenis tautan perulangan pula hanya digunakan oleh R1, R2, R3, R4 dan R5, manakala R6 hingga R10 tidak langsung menggunakan jenis penanda wacana ini. Bagi jenis tautan kolokasi, didapati hanya R1 yang menggunakan, manakala R2 hingga R10 tidak menggunakan penanda jenis kolokasi ini.

Terdapat enam fungsi penanda wacana yang tidak digunakan oleh pelajar PPISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2019, iaitu fungsi terusan, parafrasa, paralleisme, perulangan struktur dan makna, antonim, hasil dan sifat. Keenam-enam fungsi penanda wacana ini seolah-olah tidak popular dan tiada keperluan untuk digunakan oleh pelajar ini kerana tidak dijumpai dalam penulisan kerja kursus mereka sama sekali. Berpandukan contoh-contoh ayat yang dianalisis jelas menunjukkan bahawa pelajar memilih jenis dan fungsi penanda wacana dengan sangat rasional. Kerasionalan yang digunakan berpadanan dengan fungsi penanda wacana seperti yang dibuktikan dalam data teks penulisan kerja kursus yang dibincangkan. Rumusannya dapatan persoalan satu menunjukkan jenis penanda wacana yang kerap digunakan ialah jenis wacana tautan penghubung. Bagi persoalan kajian kedua pula, didapati fungsi penanda wacana yang banyak digunakan ialah fungsi tambahan. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Nor Hazila Mat Lazim & Idris Aman (2018) iaitu penanda wacana penambahan mendominasi teks yang dibincangkan. Persoalan ketiga pula menunjukkan kerasionalan penggunaan penanda wacana adalah sebagai menambah maklumat baharu dan menerangkan isi yang dibincangkan sebelumnya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, diharapkan pelajar diberikan kursus dan bengkel pemantapan penggunaan penanda wacana supaya semua jenis dan fungsi wacana dimanfaatkan dengan betul dalam penulisan dan komunikasi lisan. Semua pensyarah juga perlu didedahkan dengan fungsi penanda wacana supaya bentuk wacana menjadi lebih bermutu dan difahami oleh sasaran pembaca. Oleh itu, kajian ini penting kepada semua pendidik untuk memberi perihatian yang lebih terhadap keperluan penggunaan fungsi penanda wacana dalam penulisan ilmiah dan kreatif. Penanda wacana bukan sahaja sebagai penyedap ayat dan cerita malahan menjadi sebuah wacana penulisan untuk mengembangkan hujahan isi secara koheren dan kohesi supaya tidak kabur apabila dibaca oleh sesiapa sahaja. Sewajarnya, semua jenis penanda wacana diajar dan digunakan oleh golongan pelajar dalam penulisan ilmiah.

## RUJUKAN

- Nik Safiah Karim et.al. (2011) Tatabahasa dewan: Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Faizah Abdul Jobar, Normarini Norzan & Nur Farahkhanna Mohd Rosli (2019). Analisis Tekstual dalam Penulisan Karangan Murid Bahasa Kedua. International Journal of Education, Psychology and Counselling, 4(26), 93-103.
- Norhayati Alias. (2019). Analisis Perbandingan Penanda Wacana Pernyataan Semula Bahasa Melayu Iaitu dan Bahasa Sepanyol Esto es. GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 19(4), November 2019 <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1904-19>
- Nor Hazila Mat Lazim & Idris Aman (2018). Penanda wacana dalam teks pembangunan negara. jurnal Wacana Sarjana. Jilid 2(1). Mac 2018
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria (2015). Kohesi gramtikal penghung dalam karangan ebrbahasa Melayu. International Journal of Language Education and Applied Linguistics. Jili 03(2015); 101-113. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v3.480>
- Sanat Mohd Nasir (2008). Pengupayaan tatabahas wacana Bahasa Melayu di Malaysia dan Singapura. Jurna e-Utama. Jiid 1(2008). [http://mlc.alc.nie.edu.sg/docs/sanat\\_mdnasir.pdf](http://mlc.alc.nie.edu.sg/docs/sanat_mdnasir.pdf)
- Sisilia Prasetyawati Taasihe. (2019). Penanda Kohesi Gramatikal Pada Teks “Perintis Homestay Rumah Gadang”: Kajian Wacana. Jurnal Bahasa dan Sastra Volume 4 No 4 (2019) ISSN 2302-2043: 1-11. <http://jurnal.untad.ac.id/jurnal/index.php/BDS/article/view/12177/9360>
- Siti Nurhajariah Med. Isa dan Hairun Najuwah Jamali (2014). Kohesi dan penghubung dalam karangan Arab Pelajar: Suatu analisis wacana. I Casic Arabic Studies & Islamic Civilization e-ISSN: 2289-4977.
- Susmita, N. (2019). Kajian Kohesi Dan Koherensi Dalam Karangan Narasi Informatif Siswa Kelas Xi Mipa 2 Sma Negeri 1 Kerinci. *Edu Research*, 1(1), 1-11. <https://doi.org/10.47827/vol1iss1pp1-11>
- Wardah Hanafiah. (2014). Analisisi kohesi dan koherensi pada wacana Buletin Jumat. Epigram, Vol.11 No. 2 Oktober 2014:135-152
- Zamri Salleh & Abdul Sukor Shaari (2009). Kesan Model Unsur Tautan Terhadap Pengajaran Karangan Bahasa Melayu. MJLI. vol (6). 2009: 55-78.